

Swasta dipelawa memulakan Insurans kesihatan untuk semua

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, masanya sudah tiba skim insurans am kesihatan diperkenalkan di negara ini bagi menampung dan kemudiannya menggantikan sebahagian daripada perkhidmatan perubatan kerajaan.

Perdana Menteri berkata, skim insurans kesihatan itu adalah sama seperti insurans premium.

“Orang ramai boleh menjadi ahli dan apabila sakit, mereka boleh mendapatkan rawatan yang dibayar oleh syarikat insurans berkenaan sama ada kosnya tinggi atau rendah.

“Pada masa yang sama, kerajaan akan terus memberi perkhidmatan perubatan kepada golongan berpendapatan rendah tetapi kita tidak boleh memberi perkhidmatan yang sama kepada mereka yang mampu membayar,” katanya kepada pemberita selepas perasmian perjumpaan Saintifik Antarabangsa, di sini, hari ini. Perjumpaan itu anjuran bersama Kolej Pakar Bedah, Perubatan Am dan Pakar Perubatan.

Sebelum itu, ketika berucap kepada kira-kira 200 peserta perjumpaan empat hari itu, Perdana Menteri berkata, skim itu, seperti yang wujud di negara-negara Barat, wajar diperkenalkan untuk mengurangkan beban kerajaan terhadap perkhidmatan perubatan yang sebahagian besarnya diberi percuma dan selebihnya pada kadar subsidi.

Katanya, kerajaan tidak mampu memberi perkhidmatan perubatan yang menyeluruh kerana me-

ningkatnya kos ubat-ubatan dan kelengkapan teknologi tinggi.

“Oleh itu, adalah perlu satu skim insurans kesihatan dibentuk bagi mereka yang mampu,” katanya.

Bagaimanapun, katanya, hospital kerajaan akan terus memberi perkhidmatan perubatan kepada golongan yang tidak mampu serta kakitangan kerajaan.

Perdana Menteri berkata, Malaysia mewarisi perkhidmatan perubatan daripada penjajah yang pada mulanya bertujuan memberi perubatan percuma kepada pegawai-pegawai asing dan kemudiannya diperluaskan kepada kakitangan kerajaan dan orang ramai.

Membeban kerajaan

“Apabila sebotol ubat berharga 10 sen, perkhidmatan percuma ini tidak begitu membebaskan kerajaan tetapi dengan sebiji kapsul berharga \$3 sekarang dan pembedahan pula memerlukan beribu-ribu ringgit, bebannya agak keterlaluan,” katanya.

Menurutnya, kerajaan yang kaya sekalipun, tidak akan berupaya selama-lamanya memenuhi permintaan doktor terhadap kelengkapan terbaru sekiranya ia memberi perkhidmatan perubatan tanpa bayaran.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerajaan tidak akan memulakan langkah pembentukan skim insurans itu, sebaliknya terpulang kepada sektor swasta untuk menimbangkannya.

Menurutnya, sejumlah besar wang boleh dipungut menerusi skim insurans itu, seperti yang dilakukan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), untuk menyenggara kemudahan dan memberi perkhidmatan perubatan lebih memuaskan kepada pemegang insurans.

Wang itu, katanya, akan membolehkan mereka mengikuti perkembangan perubatan yang lebih sofistikated dan kos ubat-ubatan moden.